

um- 2/2/2019 m/s: 4

Dr. Mahathir puji sistem jualan tiket TBS

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu terminal bas lain di negara ini mencontohi sistem Jualan Tiket Berpusat (CTS) yang diguna pakai di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) sejak ia mula beroperasi pada 2011.

Perdana Menteri, yang turut memuji keberkesanan sistem itu berkata, pada masa sama, ia dapat meningkatkan mutu industri pengangkutan awam di negara ini terutamanya perkhidmatan bas.

“Saya dapati ramai pengguna di sini selesa. Perkhidmatan yang ada di sini bagus. Tapi saya fikir stesen bas seperti ini perlu ada di tempat lain juga.

“Model (sistem) stesen ini boleh juga digunakan di seluruh Malaysia. Mungkin stesen lain kecil tetapi sistem yang ada di sini (TBS) cukup baik,” katanya selepas mengadakan lawatan mengejut ke TBS bersempena perayaan Tahun Baharu Cina, di sini, hari ini. - BERNAMA



DR. MAHATHIR MOHAMAD memandu Proton Iriz ketika meninjau Terminal Bersepadu Selatan di Kuala Lumpur, semalam.